



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. PROFESSOR TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENTAULIAHAN LEFTENAN MUDA KESATRIA**

**KE-18**

**4 MAC 2023 (SABTU)**

**Terima kasih saudara pengacara majlis;**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**[SALUTASI]**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan**

**Salam Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin serta Inayah-NYA dapat kita berada dalam Majlis Pentauliahhan Leftenan Muda Kesatria UiTM ke-18

secara bersemuka buat kali pertama selepas pandemik.

2. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam selaku jawatankuasa penganjur yang telah berkolaborasi dengan Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan semua Unit Kokurikulum UiTM Kampus-Kampus Cawangan yang melibatkan seramai 195 orang urusetia bagi memastikan majlis ini berjalan dengan lancar. Sesungguhnya ia mencerminkan komitmen dan kesungguhan yang tinggi warga UiTM dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi,**

3. Fasa pandemik yang melanda seluruh dunia telah menampakkan perubahan yang sangat besar dalam kehidupan kita. Begitu juga dengan kehidupan di universiti. Meskipun pelbagai norma baharu yang warga UiTM perlu lalui, ia bukan alasan untuk kita tidak melakukan yang terbaik khususnya bagi majlis ini.

4. Majlis Pentauliahahan Leftenan Muda Kesatria UiTM ke-18 Tahun 2023 ini diadakan bagi menganugerahkan watakah pelantikan dan pangkat Leftenan Muda Kesatria kepada para Komander Kesatria UiTM yang telah menamatkan kursus kokurikulum Kesatria dalam tempoh lima semester, serta menghargai sumbangan jasa dan tenaga mereka kepada pihak Universiti khususnya

kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan UiTM amnya.

5. Komander Kesatria ialah figura contoh hasil didikan UiTM yang sentiasa siap siaga memikul tanggungjawab untuk bersama-sama memimpin diri sendiri dan mahasiswa UiTM agar memiliki sifat holistik serta mempunyai kemahiran generik yang cemerlang.

6. Untuk makluman, program ini telah dilaksanakan sejak 17 tahun yang lalu dengan penggiliran penganjuran oleh semua kampus negeri sebagai tuan rumah. Pada majlis pentauliahahan kali ini, kita bakal menyaksikan seramai 430 Komander Kesatria UiTM yang akan ditauliahkan.

## **Para hadirin sekalian,**

7. Mengimbau sedikit sejarah Kesatria UiTM, pada awalnya Kesatria UiTM adalah latihan ala ketenteraan yang diwujudkan atas inspirasi dan idea oleh Mantan Pengarah ITM, Allahyarham Dato' Lokman Musa dan diasaskan oleh Allahyarham Tuan Haji Abdul Ghani Puteh pada 8 Jun 1976.

8. Unit Kesatria diwujudkan di ITM Shah Alam dan berikutnya di kampus-kampus cawangan seperti Terengganu, Perlis, Sabah, Sarawak dan lain-lain. Bermula dengan penglibatan seramai 21 peserta iaitu 20 siswa dan seorang siswi, sebuah latihan intensif telah diadakan bagi melatih ketua-ketua platun agar dapat membantu jurulatih

mengendalikan latihan kokurikulum Kesatria. Siri pertama latihan tersebut diadakan selama 23 hari bermula 20 Jun sehingga 12 Julai 1976. Pada peringkat awal penubuhan, latihan Kesatria ini adalah dilakukan secara sukarela.

9. Bermula 13 Februari 1978, latihan Kesatria dan juga aktiviti-aktiviti yang lain telah dijadikan kokurikulum wajib setelah diputuskan oleh Timbalan Pengarah ITM. Semua pelajar baharu diwajibkan mengikuti dalam satu kokurikulum selama 2, 3 hingga 4 semester mengikut keperluan kajian masing-masing dan diwajibkan lulus sebelum menamatkan pengajian.

10. Kursus kokurikulum merupakan satu elemen penting dalam melengkapi sistem pendidikan

negara. Dengan menerapkan nilai-nilai seperti kerjasama, toleransi, kepercayaan, yakin diri, kreatif, kritis serta disiplin melalui aktiviti kokurikulum, ia mampu memupuk mahasiswa untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab dan memenuhi aspirasi dalam Falsafah Pendidikan Negara.

11. Integrasi yang ditunjukkan dalam aktiviti kokurikulum juga berjaya membentuk perpaduan daripada segi sikap, budaya dan hubungan antara kaum. Secara langsung, ia akan membentuk entiti nasional yang menyatukan perbezaan pendapat dan pemikiran, seterusnya menyemai sikap saling membantu, muafakat, membina keyakinan diri, meningkatkan semangat patriotisme, jati diri dan ketahanan mental.



12. Sesungguhnya, Komander Kesatria ini merupakan tulang belakang UiTM yang dilahirkan atas nama dan mengalir dalam dirinya semangat UiTM Di Hatiku. Mereka ini telah dilatih dan dibentuk untuk sentiasa bersiap siaga dalam menjalankan fungsi dan peranan apabila diperlukan oleh pihak Universiti dan masyarakat.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi,**

13. “Berilmu dan Berdisiplin” merupakan motto yang tercatat pada lambang Kesatria yang membawa maksud yang sangat jelas dan mudah untuk kita fahami. Justeru, saya amat berharap motto ini

dapat disemai, dijaga dan disuburkan dalam diri setiap warga UiTM khususnya kepada bakal Leftenan Muda Kesatria sekalian.

14. Dengan 'ilmu', kita akan dapat memacu Universiti, Bangsa dan Negara yang tercinta ini ke arah yang lebih maju dan makmur, seiring dengan matlamat tertubuhnya Universiti keramat ini iaitu untuk meningkatkan tahap kepakaran dan golongan ilmuan dalam kalangan orang Melayu dan Bumiputera.

15. Perlu kita ingat, menjadi insan yang berilmu sahaja tidak mencukupi jika ia tidak disulami dengan tahap disiplin yang tinggi di dalam diri. Pastinya segala yang direncanakan tidak akan

mencapai keberhasilan atau kejayaan yang diimpikan.

16. Setiap program latihan Kesatria UiTM yang telah dirangka adalah bertujuan melahirkan modal insan yang penting dan strategik kepada negara kerana anda semua ialah pewaris kepimpinan pada masa hadapan. Ia merupakan satu usaha kerajaan untuk mendekati graduan dan remaja, menerusi aktiviti yang berfaedah dan membina serta mampu mengimbangi pembentukan minda.

17. Program latihan ini juga memberi peluang kepada graduan untuk memperkayakan diri dengan kelainan dari segi pengetahuan dan pengalaman seterusnya memberi nilai tambah kepada mereka.

18. Universiti Teknologi MARA akan sentiasa memberikan keutamaan, sokongan dan bantuan kepada para pelajar dalam apa juga program terutamanya terhadap usaha mengukuhkan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

19. Kejayaan program ini menjadi satu penanda aras disiplin dan jati diri yang tinggi dalam kalangan pelajar UiTM yang bergelar Pegawai Muda Kesatria dan seterusnya akan menjadi pemangkin dan perangsang buat seluruh warga UiTM dan generasi muda untuk terus berusaha dengan lebih gigih bagi mencapai pelbagai kejayaan.

20. Sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada UiTM Cawangan Selangor selaku penganjur Majlis Pentauliahahan bagi siri ke-18 tahun 2023, staf, jurulatih dan Pegawai-Pegawai Muda Kesatria dari seluruh sistem UiTM yang hadir bagi menjayakan dan menyerikan lagi majlis kita pada pagi ini.

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin berpesan kepada semua melalui ungkapan berikut:

*“Sesiapa yang menginginkan Mutiara, haruslah berani terjun ke lautan dalam”.*

*“Kekuatan sebenar bukanlah hadir dari ketegapan fizikal, tetapi ia datang dari semangat yang tidak pernah mengalah”.*

*“Oleh itu, gantungkanlah cita-citamu setinggi angkasa. Jika engkau jatuh, engkau akan jatuh di antara bintang-bintang”.*

22. Dengan lafaz ‘*Bismillahirrahmanirrahim*’, saya merasmikan Majlis Pentauliahan Leftenan Muda Kesatria UiTM SeMalaysia Siri 18 Tahun 2023.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik walhidayah,**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakattuh.**